

PENAUNG:
Puan Norehan binti Omar

PENASIHAT:
Encik Ganesh Babu

KETUA EDITOR:
Encik Abdul Rashid bin Omar

REKAAN & GRAFIK:
Encik Wan Mohd Firdaus
bin Wan Mohd Zahari

SIDANG EDITORIAL:
UKP RND
UKP BUP
UKP BPPT
UKP BTM
PRO INSTUN

Dari Ketua Editor

Syukur ke hadirat Ilahi, Buletin Bulan November 2021 berjaya diterbitkan. Antara tujuan utama penerbitan buletin ini adalah untuk melaporkan aktiviti-aktiviti yang telah dijalankan di INSTUN sepanjang bulan November. Ia juga adalah sebagai satu platform saluran maklumat yang boleh dikongsikan bersama tentang informasi aktiviti yang telah dilakukan selari dengan perancangan di dalam takwim INSTUN khususnya.

Diharapkan penerbitan buletin ini akan menjadi perangsang kepada semua pegawai, khususnya penyelarar yang melaksanakan aktiviti supaya menghantar laporan aktiviti kepada Penyelarar Buletin jabatan untuk dijadikan sebagai satu penerbitan. Tahniah sekali lagi kepada sidang editor buletin INSTUN pada kali ini. Diharapkan usaha ini dapat diteruskan pada masa yang akan datang.

Sekian, terima kasih.


Encik Abdul Rashid bin Omar
Ketua Seksyen Perhubungan Awam INSTUN

Kata - Kata Hikmah

“Dunia ini penuh dengan orang yang baik. Jika kamu tidak dapat menemukannya, jadilah salah satunya”.

SAMBUTAN MAJLIS HARI INOVASI INSTUN TAHUN 2021

24 November 2021 (Rabu)

AKTIVITI : SAMBUTAN MAJLIS HARI INOVASI INSTUN TAHUN 2021

TARIKH : 24 November 2021 (Rabu)

TEMPAT : Felda Residence Hot Spring Sg. Klah, Sungkai, Perak

PENGLIBATAN : 60 orang

RINGKASAN PROGRAM :

INSTUN sekali lagi telah menyambut Hari Inovasi bagi Tahun 2021 dalam usaha untuk menyemarakkan semangat inovasi di kalangan kakitangan INSTUN secara keseluruhannya. Inovasi atau pembaharuan adalah antara elemen penting dalam memastikan perkhidmatan yang diberikan sentiasa berada pada tahap cemerlang. Usaha menjadikan elemen inovasi sebagai pemangkin kecemerlangan perkhidmatan perlu diterapkan kepada semua warga jabatan di pelbagai peringkat bermula daripada pengurusan tertinggi hinggalah kepada kumpulan sokongan.

Pada tahun ini, sebanyak 4 kategori telah dipertandingkan iaitu Anugerah Penulisan Penyelidikan, Anugerah Penulisan Artikel, Anugerah Penciptaan Poster Penyelidikan dan Anugerah Kumpulan KIK. Kesemua anugerah-anugerah ini telah dipertandingkan bermula seawal bulan Mac 2021 sehinggalah tarikh tutup pada 30 September 2021. Penglibatan dalam kategori-kategori yang dipertandingkan berupaya meningkatkan mutu kemahiran dan kepakaran dalam bidang tugas harian disamping menghasilkan cetusan-cetusan idea yang mampu membawa INSTUN ke arah yang lebih berprestij. Pada tahun ini juga INSTUN telah mendapat sebanyak empat penyertaan kumpulan KIK yang baharu dengan penglibatan kakitangan dari pelbagai bahagian. Projek-projek ini dijangka dapat dijadikan sebagai produk yang berupaya untuk dipertandingkan di mana-mana pertandingan sama ada di peringkat agensi/jabatan negeri mahupun persekutuan.

Selain meraikan penerima-penerima anugerah yang dipertandingkan, majlis ini juga turut diselitkan dengan sesi pelancaran sebanyak lima buah penerbitan buku INSTUN terdiri daripada Jurnal INSTUN Volume 4 Tahun 2021, Pelan Strategik INSTUN 2021-2025, Monograf dalam bidang Tanah dan Teknologi Maklumat dan Pelan Antirasuah Organisasi yang telah disempurnakan oleh Pengarah INSTUN.



ISSN 2600-853X



9 772600 853003



KURSUS KHAS EKSEKUTIF PENTADBIRAN TANAH 2021

1 November 2021 (Isnin)

AKTIVITI : Kursus Khas Eksekutif Pentadbiran Tanah 2021

TARIKH : 1 November 2021

TEMPAT : Secara Dalam Talian (Platform Zoom Meeting)

PENCERAMAH : Pegawai Gred 48 dan ke atas di Jabatan/ Agensi berkaitan Pentadbiran Tanah

RINGKASAN PROGRAM : Resultados constantes!

Graf penganjuran aktiviti atau latihan daripada Bahagian Pengurusan dan Perundangan Tanah (BPPT) INSTUN pada tahun 2021 sudah berada pada tahap tertinggi, seiring dengan peredaran masa sepanjang tahun ini yang hampir ke penghujungnya. Beberapa program berimpak tinggi telah berjaya dilaksanakan sebelum ini antaranya adalah Malaysian Technical Cooperation Programme (MTCP) 2021 dan Webinar Pentadbiran Tanah 2021.

Setelah beberapa tahun tidak dapat dilaksanakan, alhamdulillah, Kursus Khas Eksekutif Pentadbiran Tanah yang merupakan salah satu program berimpak tinggi di bawah BPPT telah berjaya dianjurkan dengan cemerlang. Kursus yang melibatkan pengurusan tertinggi di jabatan atau agensi pentadbiran tanah ini mempunyai ekspektasi yang begitu tinggi daripada kesemua pemegang taruh. Dengan penglibatan peserta yang bergred tinggi, sudah pasti input yang disediakan juga menepati keperluan jabatan agensi pentadbiran tanah masa kini.

Kursus secara dalam talian ini telah membawa objektif yang jelas seperti berikut:

- Meningkatkan kesedaran tentang peri pentingnya pengetahuan dan kemahiran berkaitan perundangan tanah kepada pengurusan tertinggi pentadbiran tanah sebagai pembuat keputusan;
- Memberikan pemahaman dan kesedaran berkaitan persediaan perubahan sistem pentadbiran tanah;
- Membincangkan isu berbangkit berkaitan perubahan sistem pentadbiran tanah seiring dengan pembangunan negara; dan
- Mempromosikan INSTUN sebagai sebuah Institusi Latihan Awam (ILA) yang menjadi peneraju utama negara dalam bidang latihan berkaitan perundangan dan pentadbiran tanah

Bagi merealisasikan objektif ini, BPPT INSTUN telah menjemput 3 orang penceramah hebat dengan 3 tajuk yang cukup penting dalam pentadbiran tanah seperti berikut:

BIL.	PENCERAMAH	TAJUK
1.	YBhg. Datuk Mohd Haniff bin Hassan Setiausaha Bahagian Kanan (Tanah, Ukur dan Geospasial) KeTSA YBrs. Tuan Jaiya bin Abu	e-Tanah: Kefahaman Keperluan Perubahan dalam Pembangunan Negara
2.	Pengarah, Bahagian Pengurusan dan Perundangan Tanah, JKPTG YBrs. Tuan Kumaran a/l Rengiah	Peranan Pentadbir Tanah di bawah Akta Pengambilan Tanah 1960
3.	Penguasa Suruhanjaya Pencegahan Rasuah Malaysia	Integriti dalam Pentadbiran Tanah

Tanpa ragu-ragu lagi, kursus ini telah berjaya mencapai objektifnya dengan kehadiran yang amat memberangsangkan iaitu seramai 27 orang. Keterlibatan peserta dari pelbagai jabatan dan agensi pentadbiran tanah ini, memperlihatkan aspek latihan masih lagi dititik beratkan dalam meningkatkan kompetensi pegawai. Ia juga membawa gambaran yang jelas INSTUN masih relevan dalam menganjurkan latihan dalam bidang pentadbiran tanah.

BPPT INSTUN mengambil pengajaran, dengan penganjuran kursus ini, ia akan menjadi penanda aras kepada ekspektasi yang lebih tinggi bagi penganjuran akan datang. Justeru, BPPT mengucapkan jutaan terima kasih kepada semua yang terlibat, khususnya Seksyen Pembangunan Profesional sebagai urusetia bagi kursus ini, seterusnya kepada para penceramah yang sudi berkongsi pengetahuan dan pengalaman, juga kepada semua peserta yang hadir, menyokong agenda latihan negara. Jazakallahu khairan jaza.





PROGRAM PEMBANGUNAN KAPASITI TENAGA PENCERAMAH WORKCAMP TRAINING FOR TRAINERS 2021 : PERKONGSIAN KES MAHKAMAH BERKAITAN PENTADBIRAN TANAH

8 Hingga 10 November 2021 (Isnin-Rabu)

AKTIVITI : Program Pembangunan Kapasiti Tenaga Penceramah Workcamp Training For Trainers 2021 : Perkongsian Kes Mahkamah Berkaitan Pentadbiran Tanah

TARIKH : 08 – 10 Noveember 2021

TEMPAT : Hotel Royale Chulan Damansara, Mutiara Damansara, Selangor

PENCERAMAH : Semua Penceramah Bahagian Pengurusan dan Perundangan Tanah (BPPT) dan Warga BPPT

RINGKASAN PROGRAM : Dalam satu-satu organisasi, pekerja keluar dan masuk adalah satu lumrah.

Bagi pekerja yang baru diterima masuk, peranan organisasi untuk menyediakan latihan yang secukupnya, bagi memastikan pekerja kompeten dan boleh melaksana tugas dengan baik.

Dalam organisasi yang besar seperti perkhidmatan awam, peranan ini diambil oleh institusi latihan awam (ILA) yang bertanggungjawab menyediakan pelbagai bentuk latihan dalam segenap aspek dan bidang untuk penjawat awam samada baru atau lama.

Institut Tanah dan Ukur Negara (INSTUN) tidak terkecuali dalam melaksana amanah untuk menyediakan latihan berbentuk kefungisian dalam sektor tanah dan ukur kepada semua anggota perkhidmatan awam yang terlibat.

Sebagai bahagian yang bertanggungjawab menyediakan latihan dalam sektor tanah, Bahagian Pengurusan dan Perundangan Tanah (BPPT) telah berjaya membangunkan modul latihan yang komprehensif untuk dimanfaatkan penjawat awam, khususnya kepada yang terlibat dengan #pentadbirantahan samada diperingkat persekutuan mahu pun negeri.

Dalam ketersediaan BPPT membangun, menyedia dan melaksana latihan, BPPT juga turut membangun dan menyediakan tenaga penceramah yang kompeten bagi menyampaikan #ilmutanah dalam kursus yang dianjurkan. Kenapa?

Sebagai ILA, ia tidak hanya dilihat sebagai penyedia latihan, bahkan sebagai gedung dan sumber ilmu menjadi rujukan seantero dunia, termasuklah kepakaran tenaga penceramah yang diperlukan. Dalam satu aspek yang lain, kebergantungan ILA kepada tenaga penceramah luar akan mengakibatkan ILA tidak lagi relevan.

Oleh yang demikian, amanah yang dijunjung untuk menjadi ILA yang kekal relevan, program pembangunan kapasiti tenaga penceramah menjadi kewajipan kepada INSTUN, khususnya BPPT dalam bidang pentadbiran dan #perundangantahan.

Alhamdulillah, Program Workcamp TFT 2021: Perkongsian Kes Mahkamah berkaitan Pentadbiran Tanah telah berjaya dilaksana pada 8-10 Nov 2021 yang lepas. Walau pun terdapat seribu satu rintangan, agenda ini tetap dapat dilaksana dengan jayanya.

Tercapai ke objektifnya?

Workcamp TFT pada kali ini menampilkan pakar perundangan tanah iaitu Prof. Dr. Ainul Jaria Maidin, Pensyarah Kanan, AIKOL UIAM dan Subject Matter Expert (SME) dalam bidang pentadbiran tanah iaitu Tuan Jaiya bin Abu, Pengarah, BPPT JKPTG.

Tiada apa yang hendak dilafazkan lagi selain syukur kepada Allah, para penceramah telah berkongsi ilmu berkaitan cara membaca kes mahkamah seterusnya mengkhususkan perbincangan berkenaan kes-kes mahkamah terkini yang melibatkan pentadbiran tanah. Tidak diketepikan asas kefahaman perundangan tanah, khusus pada kali ini adalah Enakmen Rizab Melayu.

Para peserta, yang merupakan tenaga penceramah baru dan lama di BPPT telah mendapat ilmu dan input yang cukup berharga, bagi mengembangkan lagi idea ceramah masing-masing, dan yang paling penting, dapat dikongsikan semula kepada para peserta kursus anjuran INSTUN.

"Belajar yang paling baik, adalah dengan mengajar".

Kata-kata hikmat BPPT genggam.

Terima kasih kepada semua yang telah menjayakan program ini. Sudah pasti, program ini akan menjadi agenda berterusan BPPT dalam memastikan kesinambungan ilmu dapat diteruskan. "Kerana ilmu jua penyuluhnya". Sekian.





KURSUS REKA SLAID KREATIF GAYA PRO APLIKASI CANVA

23 Hingga 24 November 2021 (Selasa dan Rabu)

AKTIVITI : Kursus Reka Slaid Kreatif Gaya Pro Aplikasi Canva

TARIKH : 23 dan 24 November 2021

TEMPAT : Secara dalam talian (Platform Zoom Meeting)



PENCERAMAH : Encik Imran Abdul Jabar, Sifoodotcom

RINGKASAN PROGRAM : Seramai 20 orang pegawai Bahagian Pengurusan dan Perundangan Tanah (BPPT) telah menyertai Kursus Reka Slaid Kreatif Gaya Pro Aplikasi Canva anjuran Sifoodotcom.

Objektif kursus ini diadakan adalah bagi :

- I. Menghasilkan slaid persembahan kreatif gaya profesional menggunakan aplikasi Canva.
- II. Menyusun layout isi kandungan slaid menggunakan *features* dan *elements* yang terdapat di dalam Canva.
- III. Menggunakan Canva untuk membuat persembahan slaid.

Jurulatih Encik Imran Abdul Jabar telah melatih peserta cara untuk menyediakan slaid yang ringkas dan menarik dan boleh digunakan oleh penceramah BPPT di dalam kursus, perbentangan mesyuarat atau program rasmi jabatan. Jurulatih mengajar peserta berkenaan fungsi setiap perkataan yang tertera di dalam aplikasi ini secara langsung dan berkongsi idea bersama peserta untuk menyediakan slaid menggunakan elemen, graf, animasi dan imej. Di dalam kursus ini juga, jurulatih mengajar peserta untuk mengenali aplikasi-aplikasi yang berkaitan yang boleh digunakan bersama aplikasi Canva sebagai contoh *Pixabay*, *Pixels*, *QRCode*, *Youtube* dan *Facebook*.





CERAMAH JEMPUTAN LUAR BULAN NOVEMBER 2021

Sepanjang Bulan November 2021

AKTIVITI : Ceramah Jemputan Luar Bulan November 2021

TARIKH : Sepanjang November 2021

TEMPAT : -

PENCERAMAH : Penceramah Bahagian Pengurusan dan Perundangan Tanah (BPPT)

RINGKASAN PROGRAM : Kursus belum selesai!!

Kalam bicara pada kali ini menekankan “beza mereka yang tahu dan tidak tahu”. Sesungguhnya sifat Allah jua yang Maha Agung lagi Maha Mengetahui. Tahu bererti berilmu, dan ilmu sifatnya dicari. Justeru, berbondong-bondong mereka yang mencari ilmu demi menjadi sebahagian daripada golongan yang mengetahui. Apa pentingnya kita tahu sesuatu perkara? Terlalu banyak dan luas untuk diuraikan, tetapi cukup disini pentingnya adalah bagi memastikan setiap keputusan yang dibuat adalah yang paling bersesuaian pada masa dan ketika itu.

Bulan November ini, BPPT menggambarkan sebagai agensi dan jabatan di luar bersungguh-sungguh mencari ilmu tanah. Hal ini adalah kerana sebanyak lapan kursus jemputan yang telah berjaya dilaksanakan seperti berikut:

Terima kasih kepada agensi dan jabatan yang menjemput dan mempercayai INSTUN.

INSTUN, khususnya BPPT tidak sekadar menganjur dan menyediakan kursus yang dirancang seperti dalam takwim yang diedarkan pada awal tahun. Tetapi, INSTUN juga menerima jemputan-jemputan ceramah bersama agensi dan jabatan samada awam mahu pun swasta selari dengan fungsi INSTUN sebagai pusat penyebaran maklumat dan rujukan utama dalam bidang ukur dan tanah. Sehingga ke November ini, sebanyak 49 kursus jemputan telah dipenuhi, menjadikan jumlah kursus keseluruhan BPPT INSTUN adalah sebanyak 119 kursus dengan jumlah peserta yang menerima manfaat adalah sebanyak 6,476 orang. Ini adalah statistic bagi BPPT sahaja, tidak mengambil kira penganjuran kursus dari Bahagian Ukur dan Pemetaan (BUP).

Jelas, komitmen tenaga kerja BPPT INSTUN adalah pada tahap tertinggi dan sentiasa ditingkatkan dari tahun ke tahun. Tahniah dan syabas kepada semua warga BPPT. Namun, kursus masih belum selesai! Disember diteruskan, Januari 2022 menanti. Tiada istilah rehat dalam latihan.

Sekian.

BIL.	JABATAN/ AGENSI	TAJUK	TARIKH
1	Bahagian Ukur dan Pemetaan (BUP) INSTUN	Pemantapan Rancangan Sesi Pengajaran (RSP)	3 November 2021
2	Pejabat Setiausaha Kerajaan Negeri Perak	Pengawasan dan Penguatkuasaan Bahan Batuan	9 – 10 November 2021
3	Pejabat Pengarah Tanah dan Galian Negeri Selangor	Prosedur dan Isu Semasa Pengambilan Tanah di bawah Akta Pengambilan Tanah 1960	10 – 11 November 2021
4	Perbadanan Aset Keretapi	Kursus Perundangan dan Pembangunan Tanah	11 – 13 November 2021
5	Institut Tadbiran awam Negara (INTAN)	Kursus Pensijilan Projek Pengurusan Awam Bersepadu (3PAB) Siri 2/2021	12 November 2021
6	Lembaga Kemajuan Ikan Malaysia (LKIM)	Kursus Pelupusan dan Pembangunan Tanah di bawah Kanun Tanah Negara secara dalam talian	12 November 2021
7	Pejabat Daerah dan Tanah Jerantut	Kursus Pentadbiran Tanah	24 – 25 November 2021
8	Pejabat Pengarah Tanah dan Galian Negeri Selangor	Kursus Hakmilik Sementara dan Hakmilik Tetap	29 November 2021





PROGRAM PEMANTAPAN RANCANGAN SESI PENGAJARAN (RSP) BAHAGIAN UKUR DAN PEMETAAN (BUP)

1 Hingga 5 November 2021 (Isnin - Jumaat)

AKTIVITI : PROGRAM PEMANTAPAN RANCANGAN SESI PENGAJARAN (RSP) BAHAGIAN UKUR DAN PEMETAAN (BUP)

TARIKH : 1-5 November 2021

RINGKASAN PROGRAM :

Program pemantapan RSP telah diadakan bertempat di Hotel Taiping Perdana, Taiping Perak. Program ini telah dihadiri oleh tenaga penceramah dan fasilitator BUP. Tujuan program ini diadakan adalah untuk pemerksaan dan pemantapan penyediaan RSP BUP agar selari dengan perkembangan teknologi bidang ukur dan pemetaan. RSP tersebut akan digunakan sebagai piawai atau rujukan dalam pelaksanaan kursus tahunan anjuran BUP. Pelbagai pengisian dalam program ini diadakan dengan penglibatan penceramah luar yang berkaliber bagi memenuhi objektif program.





PEMBENTANGAN AKHIR PROGRAM MENTOR MENTEE BAHAGIAN UKUR DAN PEMETAAN BAGI SESI 2020/ 2021

4 November 2021 (Khamis)

AKTIVITI : PEMBENTANGAN AKHIR PROGRAM MENTOR MENTEE BAHAGIAN UKUR DAN PEMETAAN BAGI SESI 2020/ 2021

TARIKH : 4 November 2021

RINGKASAN PROGRAM :

Program Mentor Mentee BUP bagi Sesi 2020/2021 merangkumi lima (5) bidang yang berikut;

BIL	BIDANG	MENTOR	MENTEE
1.	LIGHT DETECTION AND RANGING - LiDAR	Sr Faatihah binti Mohd Jani	Sr Norfariza binti Zainal
2.	PEMETAAN AERIAL (UNMANNED AIRCRAFT SYSTEM - UAS)	Sr Khor Yoa Fa	Sr Muhammad Aizuddin bin Nor Hasnan Sr Siti Arifah binti Abdul Kader
3.	TERRESTRIAL LASER SCANNING - TLS	Sr Ahmad Khalil bin Ruslan	En. Azahar Riza bin Omar Pn. Noor Alifah binti Abd Hamid
4.	ILMU FALAK & ASTRONOMI	En. Mahruzaman bin Misran	Sr Fazili Anuar bin Md. Yusuf
5.	PENGUKURAN STRATA	En. Affandi bin Kastor	En. Mohd Salim bin Hj. Yusof

Pembentangan akhir ini melibatkan tiga (3) bidang mentee yang telah dipilih oleh pihak pengurusan BUP untuk dibentangkan di hadapan Ketua Bahagian Ukur & Pemetaan, semua Pegawai dan kakitangan Bahagian. Pembentangan yang terlibat ialah

Pembentangan 1

Mentee : Sr Norfariza binti Zainal

Mentor : Sr Faatihah binti Mohd Jani

Bidang : Light Detection and Ranging (LiDAR)

Pembentangan 2

Mentee : Sr Fazili Anuar bin Md. Yusuf

Mentor : En. Mahruzaman bin Misran

Bidang : Ilmu Falak & Astronomi

Pembentangan 3

Mentee : Sr Muhammad Aizuddin bin Nor Hasnan

Mentor : Sr Khor Yao Fa

Bidang : Pemetaan Aerial (Unmanned Aircraft System-UAS)





PENANDAAN ARAH KIBLAT DI SURAU SEMENTARA INSTUN OLEH SEKSYEN GEODETIK, BUP

8 November 2021 (Isnin)

AKTIVITI : PENANDAAN ARAH KIBLAT DI SURAU SEMENTARA INSTUN, OLEH SEKSYEN GEODETIK, BUP

TARIKH : 8 November 2021

RINGKASAN PROGRAM :

Pasukan dari Seksyen Geodetik yang diketuai oleh Sr Balya Amin bin Yusoff @Che Man telah menjalankan kerja ukur penandaan arah kiblat di surau sementara INSTUN. Ini berikutan Surau As-Sakinah INSTUN ditutup buat sementara waktu bagi projek naiktaraf yang berkaitan. Kerja penandaan arah kiblat oleh pasukan BUP telah menggunakan peralatan ukur total station. Plat arah tanda kiblat telah dipasang di Surau Sementara iaitu di Unit Kediaman Aras Bawah Kuarters Sri Permai INSTUN.



KURSUS HANDS-ON TEKNOLOGI UKUR ANTARA PENSYARAH UiTM PERAK BERSAMA BAHAGIAN UKUR DAN PEMETAAN, INSTUN

22 Hingga 24 November 2021 (Isnin - Rabu)

AKTIVITI : KURSUS HANDS-ON TEKNOLOGI UKUR ANTARA PENSYARAH UiTM PERAK BERSAMA BAHAGIAN UKUR DAN PEMETAAN, INSTUN

TARIKH : 22-24 November 2021

RINGKASAN PROGRAM :

Kursus jemputan ini bertujuan untuk berkongsi pengalaman berhubung teknologi terkini berkaitan bidang ukur dan pemetaan yang digunakan di INSTUN bagi persediaan awal pihak UiTM yang dalam perancangan mewujudkan kursus baharu di UiTM Seri Iskandar Perak, iaitu Teknologi Geospasial. Semasa kursus *hands-on* ini, Bahagian telah berkongsi pengalaman berhubung LiDAR, GNSS, alat *Terrestrial Laser Scanning* (TLS), *Unmanned Aircraft System* (UAS), Peralatan Utiliti (GPR & PCL).

Kursus yang diadakan selama tiga (3) hari ini telah membuka jaringan baharu antara pihak INSTUN dan UiTM di mana penceramah & fasilitator BUP telah berkongsi idea, ilmu dan pengetahuan mengenai teknologi ukur yang ada. Pihak UiTM juga turut berkongsi pandangan dan perspektif mereka dalam teknologi ukur terutama daripada sudut akademik.

Diharapkan kerjasama antara INSTUN bersama pihak UiTM dapat diteruskan pada masa hadapan dalam pelbagai program, aktiviti, kajian penyelidikan dan lain-lain bagi tujuan berkongsi idea, pengalaman dan pengetahuan mengenai teknologi ukur yang semakin berkembang pesat.





SESI PENYERAHAN MINI SUNDIAL SEMINAR FALAK NUSANTARA/ SOUTHEAST ASIA-REGIONAL ASTRONOMY SEMINAR (SARAS) 2021 OLEH KETUA BAHAGIAN UKUR DAN PEMETAAN KEPADA PENGARAH INSTUN

25 November 2021 (Khamis)

AKTIVITI : SESI PENYERAHAN MINI SUNDIAL SEMINAR FALAK NUSANTARA/ SOUTHEAST ASIA-REGIONAL ASTRONOMY SEMINAR (SARAS) 2021 OLEH KETUA BAHAGIAN UKUR DAN PEMETAAN KEPADA PENGARAH INSTUN

TARIKH : 25 November 2021

RINGKASAN PROGRAM :

Sesi penyerahan mini sundial (jam matahari) SARAS oleh Ketua Bahagian Ukur dan Pemetaan INSTUN, Sr Ahmad Azmi bin Hashim kepada Pengarah INSTUN, YBrs. Puan Norehan binti Omar telah diadakan bertempat di Pejabat Pengarah INSTUN. Turut hadir bersama, Sr Ahmad bin Omar dan Sr Siti Arifah binti Abdul Kader mewakili Jawatankuasa SARAS peringkat INSTUN. Jam matahari ini merupakan sumbangan daripada Jabatan Mufti Kerajaan Negeri Perak kepada semua sembilan (9) Agensi Kerjasama SARAS 2021.

Mini Sundial merupakan peralatan yang boleh 'menunjukkan' waktu berdasarkan kedudukan matahari. Ianya merupakan sejenis alat pencatat waktu paling awal yang menunjukkan waktu siang dengan kedudukan bayangan beberapa objek yang terdedah pada pancaran matahari.



SESI PENGAJARAN TEORI DAN LATIH AMAL BAGI PENGGUNAAN DRON KEPADA TENAGA PENGAJAR AKADEMI LATIHAN PERTAHANAN AWAM (ALPHA)

25 Hingga 26 November 2021 (Khamis - Jumaat)

AKTIVITI : SESI PENGAJARAN TEORI DAN LATIH AMAL BAGI PENGGUNAAN DRON KEPADA TENAGA PENGAJAR AKADEMI LATIHAN PERTAHANAN AWAM (ALPHA)

TARIKH : 25-26 November 2021

RINGKASAN PROGRAM :

Bahagian Ukur dan Pemetaan, INSTUN berbesar hati menerima jemputan dan menjayakan program perkongsian ilmu dalam bidang pemetaan aerial (*Unmanned Aerial System* – UAS) kepada seramai 29 orang tenaga pengajar ALPHA.

Tenaga penceramah dalaman BUP yang diketuai oleh Sr Muhammad Aizuddin bin Nor Hasnan dan pasukan iaitu Pn. Noor Alifah binti Abd. Hamid, Sr Abdul Fatah bin Ibrahim dan En. Muhamad Husni bin Othman telah berkongsi pengalaman dalam menyampaikan ceramah berkaitan UAS serta latih amal bersama pihak ALPHA. Selama dua (2) hari sesi pengajaran ini berlangsung pelbagai modul dirangka dan telah disampaikan oleh tenaga penceramah BUP kepada tenaga pengajar ALPHA.

Pihak INSTUN merakamkan setinggi-tinggi penghargaan dan ucapan ribuan terima kasih kepada pengurusan ALPHA atas jemputan sesi pengajaran bagi membolehkan penceramah BUP, INSTUN untuk sama-sama berkongsi ilmu dalam bidang pemetaan aerial. Semoga jalinan kerjasama antara pihak INSTUN dan pihak ALPHA akan berterusan dengan pelbagai lagi variasi jalinan kerjasama pada masa akan datang.





SESI LAWATAN BAHAGIAN PEMETAAN UTILITI, JUPEM IBU PEJABAT KE BAHAGIAN UKUR DAN PEMETAAN, INSTUN

29 November 2021 (Isnin)

AKTIVITI : SESI LAWATAN BAHAGIAN PEMETAAN UTILITI, JUPEM IBU PEJABAT KE BAHAGIAN UKUR DAN PEMETAAN, INSTUN

TARIKH : 29 November 2021

RINGKASAN PROGRAM :

Bahagian Pemetaan Utiliti, JUPEM Ibu Pejabat telah mengadakan sesi lawatan ke Pusat Kalibrasi Peralatan Pengesanan Utiliti Bawah Tanah INSTUN serta mengadakan perbincangan bersama Bahagian Ukur dan Pemetaan, INSTUN berkenaan hal-hal berkaitan pemetaan utiliti bawah tanah, latihan, kerjasama dan hal-hal lain.

Sesi perbincangan telah dipengerusikan oleh Ketua Bahagian Ukur dan Pemetaan, Sr Ahmad Azmi bin Hashim, PMC. Manakala pihak Bahagian Pemetaan Utiliti, JUPEM Ibu Pejabat yang hadir adalah Pengarah Ukur Bahagian Pemetaan Utiliti, Sr Abd Rahman bin Mohd Jazuli @ Mahmood serta empat (4) orang Pegawai. Pembentangan secara ringkas mengenai Pusat Kalibrasi Peralatan Pengesanan Utiliti Bawah Tanah INSTUN dan program latihan pemetaan utiliti yang dijalankan di INSTUN telah dibentangkan oleh Sr Muhammad Aizuddin bin Nor Hasnan dari Seksyen Kadaster, Bahagian Ukur dan Pemetaan, INSTUN.

Semoga dengan sesi lawatan dan hasil perbincangan antara kedua pihak ini dapat mengukuhkan lagi jalinan kerjasama yang mantap dalam menyokong aktiviti pemetaan utiliti bawah tanah antara JUPEM dan INSTUN khususnya dan Malaysia amnya.





INFOGRAFIK



KENALI ALATAN UKUR HIDROGRAFI

PERALATAN APAKAH YANG DIGUNAKAN
UNTUK PENGUKURAN HIDROGRAFI?



TAHUKAH ANDA?

READING CURRENT METER (RCM)	Alat Reading Current Meter (RCM) merupakan alat untuk mengukur tenaga aliran air dalam laut.
ECHO SOUNDER (ES)	Merupakan alat sonar yang digunakan untuk mendapatkan kedalaman air dengan menghantar gelombang bunyi ke dalam air melalui transducer.
SIDE SCAN SONAR (SSS)	Alat ini berkonsepkan imbasan imej dari dasar laut di kawasan laut dalam. Konsep ini dinamakan sebagai Moiré.
REMOTELY OPERATED VEHICLE (ROV)	ROV adalah sistem yang digunakan untuk mencerp dan mengkap dasar laut itu tanpa berada di dasar laut, ia dikawal oleh pemandu di atas kapal dengan menggunakan remote controller atau joystick.
DEPTH SOUNDER	Depth sounder adalah alatan yang digunakan untuk menentukan kedalaman sesuatu kawasan permukaan air, ia selalu digunakan kepada pemancing, penyelam bagi tujuan mengetahui kedalaman air tersebut.



BAHAGIAN UKUR DAN PEMETAAN (BUP)
INSTITUT TANAH DAN UKUR NEGARA (INSTUN)
TAHUKAH ANDA # SUP 81.12/2022



KEMENTERIAN TERAGA DAN SUMBER ASLI
(KeTSA)

TAHUKAH ANDA?

INSTITUT TANAH DAN UKUR NEGARA
(INSTUN)



APAKAH **PERMOHONAN UKUR (PU)** DAN BAGAIMANAKAH PU YANG DAPAT DIGUNAKAN OLEH JUPEM UNTUK MENJALANKAN PENGUKURAN SETERUSNYA PELAN HAKMILIK DAPAT DISEDIAKAN DALAM TEMPOH 180 HARI DARI TARIKH PENERIMAAN PU

PU adalah dokumen yang diterima daripada PTD, PTG atau JKPTG bagi membolehkan pengukuran halus dijalankan oleh JUPEM mengikut Seksyen 396, Kanun Tanah Negara 1965

PERKARA BERIKUT PERLU DILENGKAPKAN BAGI MEMASTIKAN PU DAPAT DI PROSES

01

**SURAT
PERMOHONAN
UKUR**



02

BUTIRAN BORANG PERMINTAAN YANG LENGKAP:

1. Jenis Hakmilik
2. Bayaran Upah Ukur
3. Nama Dan Alamat Pemohon
4. Daerah Dan Mukim
5. Anggaran Keluasan
6. Jenis Kegunaan Tanah
7. Jenis Dokumen Hakmilik
8. Pihak Yang Meluluskan

03

BUTIRAN RAJAH PU YANG LENGKAP:



1. Dimensi Lot
- i. Bearing
- ii. Jarak
- iii. Keluasan
2. Hubungan Dengan Lot Sekeliling
- i. Garisan Ikutan kepada lot yang telah diukur
- ii. Lebar simpanan/ rizab berkaitan
- iii. No. Lot Mukim dan daerah

Tahukah Anda

Dimanakah **INSTUN** dan Cara Memohon **Kursus Online**



PERMOHONAN KURSUS ONLINE (eSPEK)

CARA MEMOHON

Permohonan boleh dibuat melalui dua cara iaitu secara online melalui eSPEK (Sistem Pengurusan Kursus INSTUN) atau dengan mengisi borang permohonan kursus APD (U-04) yang boleh diperolehi dengan melayari laman web INSTUN atau di Pejabat INSTUN.

Pengarah
Institut Tanah dan Ukur Negara
Kementerian Tenaga dan Sumber Asli
Behrang Ulu, 35950 Tanjong Malim, Perak Darul Ridzuan

Tel : +605-454 2825 Faks : 05-454 2837
Laman Web : www.instun.gov.my

Tarikh Tutup Permohonan :
Dua (2) minggu (hari bekerja) sebelum tarikh kursus dijalankan.

Penginapan dan Makan Minum Semasa Berkursus :
Kemudahan penginapan dan makan minum disediakan kepada semua peserta kursus yang layak.

PERMOHONAN KURSUS ONLINE (eSPEK)

1 Pendaftaran Akaun Baru

- Taip url espek.instun.gov.my.
- Klik pada link Pertama Kali Mendaftar.
- Isi borang dan klik butang Daftar. Permohonan akaun akan aktif setelah pengesahan dibuat oleh Pentadbir Sistem eSPEK.

2 Daftar Masuk Ke Sistem

- Isikan ruangan No. Kad Pengenalan dan Kata Laluan yang telah didaftarkan.
- Klik butang Log Masuk.

3 Lupa Kata Laluan

- Pada muka hadapan sistem klik hyperlink Lupa Kata Laluan.
- Isikan ruangan No. KP dan klik butang Hantar Kata Laluan.
- Sistem akan hantar emel yang mengandungi hyperlink untuk pengguna menukar kata laluan.

4 Carian Kursus

- Isikan ruangan "Nama Kursus", "Kod Kursus" atau "Tarikh Mula Kursus".
- Klik butang Cari.

5 Senarai Kursus

- Pada dropdown menu "Senarai" pilih Bahagian dan pilih Bulan. Sistem akan paparkan senarai kursus tahun 2020.
- Pada senarai nama kursus klik butang kanan mouse dan akan keluar butang berikut :
 - Lihat - untuk melihat maklumat terperinci kursus.
 - Mohon - untuk memohon kursus.
- Setelah klik butang mohon, isi borang permohonan tersebut dan klik butang Hantar.

6 Kalendar Kursus

- Pada dropdown menu, pilih "Tahun" dan "Bahagian".
- Klik butang cari.

7 Status Permohonan

- Pada status permohonan, ia akan paparkan senarai kursus yang pernah dipohon oleh pengguna beserta dengan status permohonan.
- Klik pada senarai nama kursus dan akan keluar butang berikut :
 - Lihat Permohonan - untuk melihat semula borang permohonan yang telah diisi.
 - Kemaskini Permohonan - untuk mengemaskini maklumat di dalam borang.
 - Batal Permohonan - untuk membatalkan permohonan kursus. Butang ini hanya aktif bagi status "Dalam Proses" sahaja.

8 Pengesahan Kehadiran

- Pada pengesahan kehadiran, ia akan paparkan senarai kursus yang statusnya "Dipilih" sahaja.
- Klik butang kanan tetikus dan ia akan paparkan pilihan berikut :
 - Lihat Permohonan - untuk melihat semula borang permohonan yang telah diisi dan boleh dikemaskini.
 - Pengesahan Kehadiran - untuk membuat pengesahan samada hadir, tidak hadir dan tidak hadir dengan pengganti.
 - Cetak Surat Tawaran - untuk mencetak surat tawaran yang telah dijana oleh penyelaras kursus.
 - Lihat Content Base Training - untuk melihat nota interaktif berkaitan kursus
- Klik pada pilihan Pengesahan Kehadiran dan borang pengesahan kehadiran akan dipaparkan. Pilih samada "Hadir", "Tidak Hadir" atau "Tidak Hadir Dengan Pengganti". Isikan butiran yang diperlukan dan klik butang simpan.

9 Surat Tawaran

- Klik butang kanan tetikus, ia akan paparkan butang Cetak Surat Tawaran. Surat tawaran hanya boleh dicetak sekiranya telah dijana oleh penyelaras kursus.

10 Kursus Semasa

- Klik butang kanan tetikus pada senarai kursus semasa (kursus yang sedang diikuti pada tarikh semasa), ia akan paparkan tiga butang berikut :
 - Lihat Borang Permohonan - untuk melihat / mengemaskini borang permohonan
 - Penilaian - untuk mengisi borang penilaian kursus
 - Ujian - untuk menjawab soalan ujian yang telah dimasukkan oleh Penyelaras Kursus.

11 Rekod Kursus

- Menu ini akan memaparkan rekod kursus yang pernah dipohon oleh pengguna. Klik butang kanan tetikus pada senarai kursus, akan paparkan butang berikut :
 - Lihat Borang Permohonan - untuk lihat borang permohonan
 - Rekod kehadiran - untuk melihat rekod kehadiran kursus
 - Lihat Jawapan Ujian - untuk menyemak semula jawapan ujian yang telah dijawab.

12 Pengumuman / Berita

- Individu - Pengumuman / Berita daripada pentadbir sistem kepada individu
- Kursus - Pengumuman / Berita daripada pentadbir sistem kepada peserta - peserta bagi satu kumpulan kursus
- Umum - Pengumuman / Berita daripada pentadbir sistem kepada semua pengguna eSPEK.

13 Lihat Profil

- Untuk melihat / mengemaskini profil peribadi.